

Anda dan keluarga anda tentu merasa keliru apabila anda didiagnos menghidap TB . TB boleh berjangkit daripada seorang ke seorang yang lain melalui batuk, bersin, meludah dan sebagainya ... tetapi jangan bimbang!

Rawatan TB telah banyak berkembang dan hari ini, penyakit anda boleh diubati dengan pengambilan ubat yang sempurna.

Perkara yang paling sukar dan penting dalam rawatan ialah bagi memastikan anda menyambung pengambilan ubat walaupun gejala penyakit telah hilang. Ini kadang-kalanya mungkin sukar.... Tetapi perlu diingat bahawa anda tidak bersendirian melawan TB. Orang yang anda sayangi, doktor-doktor dan anggota kesihatan akan sentiasa bersama anda agar dapat menyempurnakan rawatan

Dan lagi, jangan lupa bahawa anda boleh menyambung rawatan walaupun telah kembali ke negara anda. "Semoga Berjaya!"